

D89U

U B364 DEB
MAHATHIR - ANWAR

ALOR SETAR, 11 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN KONONNYA BELIAU AKAN MELANTIK KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, ENCIK ANWAR IBRAHIM, SEBAGAI PENGGANTINYA.

+SAYA TIDAK ADA KUASA MELANTIK PERDANA MENTERI. UMNO DAN PERHIMPUNAN (AGUNG) UMNOLAH YANG MELANTIK PRESIDEN PARTI UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO KEDAH '87 DI SINI.

BELIAU BERKATA DAKWAAN ITU TIDAK BENAR DAN SENGAJA DIADA-ADAKAN SEMATA-MATA KERANA KEMPEN MEREBut JAWATAN PARTI DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 24 APRIL INI.

SEMENTARA ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BELIAU MELANTIK ENCIK GHAFAR BABA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI KERANA ENCIK GHAFAR BOLEH BEKERJASAMA DENGANNYA.

+OLEH ITU SAYA MENYOKONG ENCIK GHAFAR DIPILIH SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO KERANA PERLEMBAGAAN UMNO MENGATAKAN TUGAS TIMBALAN PRESIDEN IALAH MEMBANTU PRESIDEN,+ KATANYA. -- LAGI.
1258MST 11 04 87

D891

U B365 DEB
MAHATHIR - ANWAR 2 ALOR SETAR

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KONVENSYEN ITU BAHAWA PELABURAN ASING KE NEGARA INI AMAT MENGGALAKKAN SEKALIPUN ADA PIHAK YANG MENGATAKAN PEMODAL-PEMODAL LUAR TIDAK MAHU MELABUR DI MALAYSIA BERIKUTAN REBUTAN KUASA DALAM UMNO SEKARANG.

KATANYA REKOD BANK NEGARA MENUNJUKKAN DALAM TEMPOH ENAM BULAN LEPAS, JUMLAH PELABURAN ASING DI MALAYSIA IALAH SEBANYAK \$4,500 JUTA.

KATANYA, PADA BULAN LEPAS SAHAJA, JUMLAH PELABURAN LUAR DI MALAYSIA IALAH SEBANYAK \$500 JUTA. -- BERNAMA.
1300MST 11 04 87